

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

**TOUR CODE:
CKN07-0D**

9H7M HIDDEN MUSLIM GEMS OF YUNNAN



SANTORINI CHINA IALAH DESTINASI PERCUTIAN YANG MENYERUPAI PULAU GREECE DENGAN SENI BINA BANGUNAN PUTIH DAN BUMBUNG BIRU, SERING DIGELAR "SANTORINI VERSI CHINA". IA TERLETAK DI LERENG GUNUNG CANGSHAN MENGHADAP TASIK ERHAI, MENAWARKAN Pemandangan Indah, kafe, dan spot bergambar yang sangat unik.

9H7M

HIDDEN MUSLIM GEMS OF YUNNAN


**TOUR CODE:
CKN07-OD**

HARI 01 KUALA LUMPUR - KUNMING

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Kunming.

HARI 02 KUNMING - DALI

SP/MT/MM

Lawatan di **Dali**:

- **Dali Ancient Town** merupakan diantara tempat pelancongan paling popular di Yunnan. Kota ini dipelihara oleh kerajaan tempatan dengan melarang sebarang pembinaan moden di bandar lama ini. Para tetamu yang berkunjung dapat menikmati kombinasi pengalaman yang unik seperti senibina bersejarah, keindahan alam dan kebudayaan.
- Solat di **South Gate Mosque** merupakan salah satu masjid bersejarah di bandar lama Dali yang memaparkan gabungan seni bina tradisional Cina dan unsur seni bina Islam.
- Menyertai aktiviti membuat **Dumpling Tradisional** mengikut resipi tradisional masyarakat Muslim Cina di Dali. Aktiviti ini membolehkan pelancong belajar cara menyediakan dan mengisi dumpling, serta merasai keenakan hidangan yang baru dimasak sambil memahami budaya dan tradisi tempatan.
- Menikmati pemandangan matahari terbenam di **Erhai Lake** sambil merasai suasana tenang dan memukau.

Bermalam di **Dali**.

HARI 03 DALI - LIJIANG

SP/MT/MM

Lawatan di **Dali**:

- Berpeluang menyaksikan keindahan matahari terbit di **Erhai Lake** menikmati suasana pagi yang tenang dan panorama alam yang menakjubkan.
- Menikmati aktiviti **Bike Riding** di kawasan **S-Bay**, sambil merasai udara segar dan pemandangan indah sekeliling. Aktiviti ini menawarkan pengalaman santai yang menyeronokkan serta peluang bergambar di lokasi yang menarik.
- **Santorini China** merupakan tempat pelancongan yang diilhamkan dari senibina Pulau Santorini di Greece. Pengunjung dapat menikmati pemandangan laut yang cantik, berbelanja di kedai-kedai yang unik. Tempat ini sangat mesra terhadap semua tetamu dari peringkat umur.

Lawatan di **Lijiang**:

- **Lijiang Ancient Town, Sifang Street** adalah sebuah bandar lama yang terkenal di China dan memiliki daya tarikan pelancong yang unik. Bandar ini terkenal dengan arsitektur silam yang menarik. Seperti rumah tradisional, batu yang disusun menjadi jalan sepanjang bandar dan sistem air kuno. Tetamu juga akan disajikan dengan pemandangan indah Taman Nasional Gunung Yulong. Dan menjadikan tempat ini adalah daya tarikan bagi mereka yang tertarik dengan sejarah, budaya dan keindahan alam China yang unik.

Bermalam di **Lijiang**.

HARI 04 LIJIANG

SP/MT/MM

Lawatan di **Lijiang**:

- **Snow Mountain Glacier Park** adalah destinasi pelancongan yang menawarkan keindahan alam yang megah dengan puncak gunung yang dilitupi salji sepanjang tahun. Taman ini mempunyai pelbagai ekosistem, termasuk hutan pinus, hutan birch serta bongkah ais yang mempesonakan. Pengunjung dapat menikmati pemandangan spektakuler dari ketinggian menggunakan kabel gondola. Selain itu, taman ini menawarkan berbagai aktivitas luar ruangan seperti trekking, mendaki, dan mengunjungi desa-desa lokal di sekitarnya. Keberagaman hayati di taman ini menambah daya tariknya sebagai salah satu destinasi alam yang menakjubkan di sini.
- Melawat dan bersiar-siar di **Blue Moon Valley** adalah destinasi semula jadi yang menakjubkan di wilayah ini. Terkenal dengan airnya yang berwarna putih susu dan berwarna biru pada lembah ini dikelilingi oleh pergunungan hijau yang menambah keindahan alamnya. Pengunjung dapat menikmati pemandangan air terjun kecil dan kolam biru yang menakjubkan, serta menjelajahi lanskapnya dengan berjalan kaki di sepanjang perjalanan kaki yang disediakan tepi sungai. Blue Moon Valley menawarkan pengalaman alam yang menenangkan dan memukau, menjadikannya salah satu tarikan utama bagi tetamu yang berkunjung ke Lijiang.
- **Impression Lijiang Show** adalah persembahan kebudayaan luar yang menakjubkan. Persembahan ini menampilkan lebih 500 pelakon tempatan, termasuk etnik minoriti, yang mempersembahkan tarian tradisional, nyanyian dan cerita rakyat yang memukau. Pelancong dapat menikmati gabungan seni persembahan dan pemandangan alam yang mempesona, sambil mempelajari budaya dan tradisi unik masyarakat Yunnan.
- Bersiar-siar di **Heilongtan Park** yang terkenal dengan pemandangan alam yang menakjubkan terutama pemandangan berlatar belakang Gunung Yulong yang tinggi dan pantulan gunung dan langit di permukaan tasik menjadikan ia tempat rekreasi yang popular bagi penduduk setempat dan pelancong.

Bermalam di **Lijiang**.

HARI 05 LIJIANG - KUNMING (BULLET TRAIN) - YUXI

SP/MT/MM

Lawatan di **Yuxi (Najiaying)**:

- Melawat **Yuxi Najiaying Mosque**, sebuah masjid bersejarah yang menampilkan reka bentuk bangunan yang unik dan menarik.
- Menyertai aktiviti masakan hidangan tradisional **Muslim China (Big Plate Chicken and Noodles)**. Aktiviti ini membolehkan pelancong belajar cara menyediakan hidangan, merasai keenakannya, sambil memahami budaya dan tradisi kuliner tempatan.

Bermalam di **Yuxi**.

HARI
06 | YUXI -
GEJIU

SP/MT/MM

Lawatan di **Jianshui**:

- Melawat **Jianshui Ancient Town** sebuah pekan bersejarah yang mengekalkan seni bina tradisional dan lorong-lorong lama dengan berpeluang untuk berjalan-jalan, bergambar, dan merasai suasana warisan budaya tempatan yang unik.
- Menyertai aktiviti membuat **Jianshui Purple Pottery**, mempelajari teknik tradisional pembuatan tembikar yang memberikan pengalaman praktikal dan peluang untuk memiliki cenderamata buatan tangan sendiri.

Bermalam di **Gejiu (Shadian)**.

HARI
07 | GEJIU -
KUNMING

SP/MT/MM

Lawatan di **Gejiu (Shadian)**:

- Solat di **Shadian Grand Mosque** sebuah masjid ikonik yang menjadi pusat keagamaan dan komuniti Muslim tempatan.
- Melawat **Shadian Milk Bar** untuk mencuba pelbagai produk tenusu segar tempatan. Aktiviti ini menawarkan pengalaman merasai makanan dan minuman tradisional sambil mengenali budaya masyarakat setempat.

Lawatan di **Kunming**:

- Meluangkan masa di **Douan Flower Market** dan merasai pengalaman berada di pasar bunga terbesar di Asia. Pasar ini menjadi tarikan popular pelancongan di Kunming kerana pemandangan barisan bunga segar yang tersusun rapi, berwarna-warni dan keharuman bunga dari pelbagai jenis

Bermalam di **Kunming**.

HARI
08 | KUNMING


SP/MT/MM

Lawatan di **Kunming**:

- Melawat **Muslim Cultural Exchange Center** untuk mempelajari budaya, tradisi dan gaya hidup masyarakat Muslim tempatan. Lawatan ini memberi peluang untuk berinteraksi secara langsung dan memahami aspek budaya serta warisan masyarakat Muslim.
- Membeli-belah di **New Luosiwang International Wholesale Market** yang terkenal dengan pelbagai barangan seperti pakaian, aksesori, kraftangan, perabot dan banyak lagi pada harga borong. Selain itu, pelancong dapat menyaksikan budaya tempatan melalui kraftangan tradisional untuk menikmati suasana pasar yang sibuk.
- Bersolat di **Shuncheng Mosque**. Masjid ini telah dibina pada zaman Dinasti Tang (618-907 M) yang merupakan satu-satunya dinasti di China yang aktif menyebarkan agama Islam.
- **Kunming Old Street**: Berjalan-jalan di Kunming Old Street, kawasan bersejarah yang mengekalkan seni bina tradisional serta deretan kedai lama. Nikmati suasana bandar lama sambil membeli-belah, mencuba makanan tempatan dan merakam foto di lokasi menarik.

HARI
09 | KUNMING -
KUALA LUMPUR

Penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.



PERTUKARAN MATA WANG



CHINESE YUAN
CNY 1 = RM 0.65



PERBEZAAN WAKTU
China: GMT+8 Malaysia: GMT+8



Musim Panas:
Jun - Ogos



Musim Luruh:
Sept - November



Musim Sejuk:
Disember - Feb



Musim Bunga:
Mac - Mei



TOUR HIGHLIGHTS



1. DUMPLING TRADISI

Menyertai aktiviti membuat Dumpling Tradisional mengikut resipi tradisional masyarakat Muslim Cina di Dali. Aktiviti ini membolehkan pelancong belajar cara menyediakan dan mengisi dumpling, serta merasai keenakan hidangan yang baru dimasak sambil



2. MASAKAN TRADISI MUSLIM CHINA

Menyertai aktiviti masakan hidangan tradisional Muslim China (Big Plate Chicken and Noodles). Aktiviti ini membolehkan pelancong belajar cara menyediakan hidangan, merasai keenakannya, sambil memahami budaya dan tradisi kuliner tempatan.



3. JIANSUI PURPLE POTTERY

Menyertai aktiviti membuat Jianshui Purple Pottery, mempelajari teknik tradisional pembuatan tembikar yang memberikan pengalaman praktikal dan peluang untuk memiliki cenderamata buatan tangan sendiri.



4. SNOW MOUNTAIN GLACIER PARK

Taman ini mempunyai pelbagai ekosistem, termasuk hutan pinus, hutan birch serta bongkah ais yang mempesonakan. Pengunjung dapat menikmati pemandangan spektakuler dari ketinggian menggunakan kabel gondola.

Hotel Penginapan 3* Hotel

| BANDAR | BIL. MALAM |
|-----------|------------|
| Kunming | 3 Mlm |
| Dali | 1 Mlm |
| Lijiang | 2 Mlm |
| Najiaying | 1 Mlm |
| Shadian | 1 Mlm |

Jadual Penerbangan



| HARI | PESAWAT | SEKTOR | ETD | ETA |
|------|---------|-----------|------|--------|
| 1 | OD 696 | SZB - KMG | 2140 | 0115+1 |
| 9 | OD 697 | KMG - SZB | 0215 | 0600 |

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Termasuk dengan tiket lawatan.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.